

## **BIODATA MITCH KAPOR**



Mitchell Kapor adalah merupakan pengasas Lotus Development Corporation dan juga pereka cipta perisian Lotus 1-2-3, satu aplikasi tersohor yang telah mempopularkan komputer peribadi dalam dunia perniagaan di era 80-an. Beliau menerima B.A. daripada Yale College pada 1971 dalam pelbagai bidang pengkhususan ilmu psikologi, linguistik dan sains komputer. Beliau kini adalah Ahli Lembaga Mitchell Kapor Foundation, yayasan pekerjaan swasta bagi memastikan kesamarataan dan kesaksamaan terutamanya kepada komuniti berpendapatan rendah, dan Level Playing Field Institute, yang mana misinya adalah untuk menambah peluang yang sama dalam pendidikan dan tempat pekerjaan.

Encik Kapor menceburkan diri sebagai usahawan dan pelabur perintis selama 25 tahun. Melalui Kapor Capital, beliau melabur secara aktif dalam perintis teknologi maklumat generasi hadapan dan penerokaan sosial dalam San Francisco Bay Area. Beliau berkhidmat dalam Lembaga Penasihat Generation Investment Management (pelaburan jangka panjang yang mapan), the Electronic Frontier Foundation (mempertahankan kebebasan bersuara, kerahsiaan, inovasi, dan hak pengguna dalam Internet), the Sunlight Foundation (memudahkan akses kepada maklumat kerajaan), dan the Wikimedia Foundation (pengeluar Wikipedia dan lain-lain projek kandungan yang percuma). Beliau juga adalah Pengerusi Pengasas dan Pengarah Linden Lab, pencipta dunia maya Second Life, dan Pengerusi Pengasas Mozilla Foundation, pencipta web browser Firefox.

Encik Kapor menulis secara meluas tentang kesan penggunaan komputer peribadi dan jaringan (networks) dalam masyarakat. Beliau banyak menyumbang artikel mengenai polisi infrastruktur maklumat, isu-isu harta intelek, dan cetak rompak dalam era digital kepada Scientific American, The New York Times, Forbes, the Communications of the ACM, dan Huffington.